

31/08/2003

Malaysia hantar angkasawan ke angkasa lepas 2005

Salina Abdullah

EMPAT puluh enam tahun negara mencapai kemerdekaan, satu demi satu kejayaan dilakar. Bukan saja di dalam negara malah antarabangsa. Tahun-tahun mendatang nama negara akan dicatat lagi tetapi bukan di muka bumi sebaliknya nun jauh di angkasa lepas.

Malaysia akan menghantar angkasawan pertama ke angkasa lepas pada 2005. Mampukah Malaysia melakukannya? Ramai mempertikaikan hasrat ini kerana tidak yakin Malaysia akan sebaris negara maju menerokai angkasa lepas.

Hakikatnya, ini yang akan dilakukan negara pada 2005 dan ketika ini, Agensi Angkasa Negara (NSA) giat meneliti kriteria yang akan ditetapkan bagi pemilihan calon angkasawan negara ini. Lebih penting, angkasawan itu mungkin penulis, pembaca atau sesiapa saja yang kita kenali.

Memang tidak pernah terlintas di fikiran ramai akan ada seorang di antara puluhan juta rakyat negara ini akan bergelar angkasawan. Begitu juga dengan pelbagai peristiwa sejak berpuluh tahun dulu.

Tidak pernah terlintas di fikiran kita, ada anak Malaysia akan menjulang Jalur Gemilang di puncak Gunung Everest (M Magendran dan N Mohandas pada 23 Mei 1997), ada anak Malaysia yang berani mengelilingi dunia secara solo dengan kapal layar Jalur Gemilang (Datuk Azhar Mansur pada 1999) dan berenang merentasi Selat Inggeris sejauh 32.8 kilometer (Abdul Malik Mydin, Ogos 2003).

Satu ketika dulu apabila kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengemukakan cadangan untuk menghasilkan kereta tempatan - buatan Malaysia - banyak suara sumbang memperlekehkan hasrat itu.

Hari ini, kereta nasional gah menguasai jalan raya bukan saja di dalam malah di luar negara. Kini, kita boleh berbangga dengan rangkaian kereta tempatan, bermula dengan Proton Saga yang dikeluarkan pada 1985, diikuti Iswara (1992), Wira (1993); Satria (1994); Perdana (1995); Tiara (1996), Putra (1997) dan Waja (2000), yang reka bentuknya dimajukan sepenuhnya oleh jurutera tempatan.

Jurutera tempatan juga baru-baru ini mencatat sejarah apabila berjaya menghasilkan satelit buatan Malaysia - RazakSAT - yang akan dilancarkan menjelang pertengahan Ogos tahun depan. Ini satu lagi kejayaan yang harus dibanggakan. Walaupun pada awalnya, satelit ini dijadualkan dibina sebuah syarikat di Korea Selatan, jurutera tempatan membuktikan anak Malaysia juga mampu menguasai kejuruteraan satelit dan bidang aeroangkasa.

Negara juga mencatat sejarah dalam bidang angkasa apabila wanita tunggal negara yang memiliki ijazah kedoktoran dalam bidang astrofizik, Prof Datuk Dr Mazlan Othman, diberi kepercayaan menerajui Pejabat Hal Ehwat Angkasa Lepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Vienna, Austria.

Kejayaan Ketua Pengarah NSA dan Bahagian Kajian Sains Angkasa (Baksa), Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar itu bukan sekadar kejayaan buat Malaysia malah wanita, khususnya dari negara membangun kerana beliau adalah wanita pertama dari negara membangun yang diberi pengiktirafan menerajui pertubuhan penting berkenaan.

Kita harus menerima hakikat, semua kejayaan ini sedikit sebanyak dicitus Dr Mahathir. Kesungguhannya meletakkan nama Malaysia sebaris negara maju. Keazamannya mengeluarkan Malaysia daripada kemelut kemunduran dan diperlekehkan negara maju, menyaksikan Malaysia antara negara paling maju di kalangan negara membangun di samping mendapat pengiktirafan negara maju dalam pelbagai aspek.

Kita juga patut berbangga kerana memiliki pemimpin berpandangan jauh dan sentiasa menyokong aktiviti mencabar serta menguji semangat juang generasi muda.

Mungkin tidak ramai tahu bahawa Dr Mahathir sendiri menggemari kegiatan mencabar. Selain menjelajah Antartika, benua paling sejuk di dunia, beliau juga pernah mengharungi Lembah Amazon di Brazil dan menemui kawasan hutan getah, tempat asalnya komoditi yang satu ketika dulu pernah memberi nikmat kepada rakyat Malaysia.

Malah, Dr Mahathir juga sempat merentasi Banjaran Andes serta melihat bagaimana kehidupan Gaucho, puak yang sanggup mati menentang penjajah Sepanyol suatu ketika dulu tetapi kini hidup terbiar dan melarat.

Kesungguhan dan keazaman Dr Mahathir ini seharusnya dicontohi dan diteladani kerana ia membuktikan `Malaysia Boleh'. Selagi ada keinginan dan disertai usaha, hasrat dipendam pasti menjadi kenyataan. Apa yang lebih penting, Malaysia tidak pernah ketandusan negarawan atau wira yang mampu mengharumkan nama Malaysia di mata dunia. Di mana ada jalan di situ ada kejayaan. Malaysia Boleh!